

ELEMEN TANGGUNGJAWAB MENURUT IBNU TAYMIYYAH DAN IMMANUEL KANT

MUHAMMAD ATIULLAH BIN OTHMAN

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

ABSTRAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini membincangkan tanggungjawab manusia antara Ibnu Taymiyyah yang mewakili dunia Islam dan Immanuel Kant yang mewakili dunia Barat. Tanggungjawab dalam pemikiran Ibnu Taymiyyah adalah hasil daripada pandangan kritis terhadap pemikiran aliran-aliran sebelumnya iaitu al-Jabariyyah, Muktazilah dan al-Ashâ'irah. Manakala, tanggungjawab dalam pemikiran Immanuel Kant adalah melestarikan pandangan kritis terhadap pemikiran sebelumnya iaitu *determinism incompatabilism* (pemikiran fatalisme) dan *indeterminism* (menolak pemikiran fatalisme). Objektif pertama kajian ini adalah menjustifikasi tanggungjawab manusia yang melibatkan kudrat, pengetahuan, kehendak dan perbuatan manusia. Objektif kedua adalah menjelaskan konsep dan elemen tanggungjawab dalam pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant. Objektif ketiga adalah membuat penilaian konsep dan elemen tangggungjawab dalam pemikiran kedua-duanya. Bagi mencapai objektif ini, metode kajian yang digunakan adalah analisis dokumen iaitu mengumpul data-data daripada karya-karya Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant, dan turut menggunakan metode analisis yang terdiri daripada metode induktif, metode deduktif, metode komparatif dan metode pengkategorian. Hasil kajian mendapati bahawa Ibnu Taymiyyah menggunakan konsep *al-Taklîf* dan Immanuel Kant menggunakan konsep *duty* bagi menjelaskan tanggungjawab manusia. Kedua-duanya menghubungkan tanggungjawab dengan elemen-elemen tanggungjawab iaitu perbuatan, kudrat atau kebebasan, pengetahuan dan kehendak bagi menjustifikasi tanggungjawab. Kajian ini juga mendapati bahawa Ibnu Taymiyyah lebih cenderung mengatakan perbuatan menunjukkan kekuatan kehendak kerana bersandarkan nas syarak dan akal berbanding Immanuel Kant yang lebih cenderung mengatakan pengetahuan menunjukkan kekuatan kehendak kerana bersandarkan teori *categorical imperative*, dan penghormatan kepada undang-undang moral yang tidak terpisah daripada agama melalui konsep 'kebaikan tertinggi'.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ELEMENTS OF RESPONSIBILITY ACCORDING TO IBN TAYMIYYAH AND IMMANUEL KANT

ABSTRACT

This study discusses human responsibility in Ibnu Taymiyyah who represents the Islamic world and Immanuel Kant who represents the Western world on their moral and ethical philosophy. Ibnu Taymiyyah's idea of responsibility is a result of critical views on the previous school of thoughts that are al-Jabariyyah, Mu'tazilah and al-Ashā'irah while Immanuel Kant's responsibility is a harmoniousmatch of divergent views, mainly incompatible determinism and indeterminismof his predecessors. The objectives of this study are firstly, to justify human responsibility that consists of human power, knowledge, will and action. The second objective is to explicate the concept and elements of responsibility in Ibnu Taymiyyah and Immanuel Kant's thoughts. The third objective is to evaluate the concept and elements of responsibility in both scholars' thoughts. In so doing, the researcher used document analysis method by collecting data from the works of Ibn Taymiyyah and Immanuel Kant and then followed by inductive, deductive, comparative and categorization methods. The result of the study found that Ibn Taymiyyah used the concept of *al-Taklif* while Immanuel Kant used the concept of duty in describing human responsibility. Both relate responsibility with elements of responsibility such as action, power, freedom, knowledge and will to justify responsibility. The study also found that Ibnu Taymiyyah is more of the view that action shows strong will based upon religious source and reasoning while Immanuel Kant is more of the view that knowledge shows strong will based upon 'categorical imperative' theory, and respect to moral law that inseparable from religion through 'the highest good' concept.

KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Halaman

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
JADUAL TRANSLITERASI	ix
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	ix

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 05-4506832 Matlamat Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Metode Kajian	7
1.5.1 Metode pengumpulan data	8
1.5.2 Metode analisis data	9
1.6 Kerangka Teori	10
1.7 Definisi Operasi Kajian	11
1.9 Ulasan Kepustakaan	16
1.10 Kesimpulan	21

BAB II KONSEP TANGGUNGJAWAB

2.1 Pengenalan	22
2.2 Definisi Tanggungjawab	22
2.3 Elemen Tanggungjawab	25
2.4 Elemen Perbuatan	27
2.4.1 05-4506832 Definisi perbuatan	28
2.4.2 Perbuatan adalah elemen tanggungjawab	32

2.5	Elemen Kudrat dan Kebebasan	40
	2.5.1 Definisi kudrat	40
	2.5.2 Definisi kebebasan	42
	2.5.3 Kudrat dan kebebasan adalah elemen tanggungjawab	46
2.6	Elemen Pengetahuan	50
	2.6.1 Definisi pengetahuan	51
	2.6.2 Pengetahuan adalah elemen tanggungjawab	56
2.7	Elemen Kehendak	60
	2.7.1 Definisi kehendak	61
	2.7.2 Kehendak adalah elemen tanggungjawab	65
2.8	Kesimpulan	67
 BAB III TANGGUNGJAWAB MENURUT IBNU TAYMIYYAH		
3.1	Pengenalan	69
3.2	Pengistilahan Tanggungjawab	69
	3.2.1 Taklif syarak adalah bersyaratkan ilmu dan kudrat	73
	3.2.2 Taklif perbuatan bersama kudrat dan kehendak	74
3.3	Elemen Perbuatan	76
	3.3.1 Perbuatan adalah sebab tanggungjawab	77
	3.3.2 Peninggalan taklif turut dipertanggungjawabkan	80
	3.3.3 Perbuatan yang dikira tiada tanggungjawab	82
	3.3.4 Pandangan al-Jabariyyah	85
	3.3.5 Ibnu Taymiyyah menerima pandangan al-Ashā'irah	86
3.4	Elemen Kudrat	88
	3.4.1 Taklif dikira wujud jikalau mempunyai kudrat	90
	3.4.2 Tiada taklif jikalau tidak mampu	91
	3.4.3 Kadar taklif adalah menurut kadar kudrat	93
	3.4.4 Kudrat dīniyyah dan kudrat kawniyyah	96
3.5	Elemen Pengetahuan	98
	3.5.1 Antara ilmu syarak dan ilmu akli	99
	3.5.2 Taklif hanya sabit dengan ilmu syarak	102
	3.5.3 Baik buruk ditentukan syarak	106
	3.5.4 Sanggahan terhadap akal menentukan taklif	110
3.6	Elemen Kehendak	113
	3.6.1 Monolog hati ditanggungjawabkan	115
	3.6.2 Kategori kehendak berdasarkan ikutan syarak	117
	3.6.3 Kehendak tetap	124
	3.6.4 Kedudukan pilihan	131
3.7	Kesimpulan	134

BAB IV	TANGGUNGJAWAB MENURUT IMMANUEL KANT	
4.1	Pengenalan	136
4.2	Pengistilahan Tanggungjawab	136
4.2.1	Tanggungjawab adalah tindak balas perbuatan terhadap kebebasan, pengetahuan dan kehendak	139
4.2.2	Maksud tugas (duty)	140
4.2.3	Tugasan membabitkan perbuatan, kebebasan, kehendak dan pengetahuan	142
4.2.4	Tugasan turut berdasarkan undang-undang	144
4.3	Elemen Perbuatan	145
4.3.1	Perbuatan dipuji dan dikeji	148
4.3.2	Perbuatan adalah penyebab	152
4.3.3	Undang-undang moral menentukan penilaian perbuatan	153
4.4	Elemen Kebebasan	154
4.4.1	Implikasi kebebasan terhadap perbuatan dan tanggungjawab	156
4.4.2	Helah menolak tanggungjawab kebebasan	159
4.4.3	Kedudukan kebebasan sebagai penyebab	161
4.4.4	Kebebasan merupakan prinsip moral	164
4.5	Elemen Pengetahuan	165
4.5.1	<i>Priori</i> menjustifikasi perbuatan baik	166
4.5.2	Baik dan buruk ditentukan oleh undang-undang moral	167
4.5.3	Baik dan buruk ditentukan oleh agama	170
4.5.4	Kedudukan ilmu wahyu	173
4.6	Elemen Kehendak	179
4.6.1	Kehendak baik (good will)	185
4.6.2	Antara rasional dan kehendak	188
4.6.3	<i>Categorical imperative</i>	190
4.7	Kesimpulan	193
BAB V	PERBANDINGAN TANGGUNGJAWAB MENURUT IBNU TAYMIYYAH DAN IMMANUEL KANT	
5.1	Pengenalan	195
5.2	Perbandingan Pengistilahan Tanggungjawab	195
5.2.1	Tujuan tanggungjawab	198
5.2.2	Tanggungjawab adalah tindak balas elemen tanggungjawab	199
5.3	Elemen Perbuatan	202
5.3.1	Perbuatan dinilai sama ada baik atau buruk	204
5.3.2	Perbuatan merupakan penyebab	209

5.4	Elemen Kudrat dan Kebebasan	211
	5.4.1 Penolakan idea al-Jabariyyah dan Fatalisme	215
5.5	Elemen Pengetahuan	217
	5.5.1 Kedudukan wahyu	218
	5.5.2 Wahyu merupakan sumber tanggungjawab	220
	5.5.3 Agama menentukan baik dan buruk	222
	5.5.4 Akal menentukan tanggungjawab	224
5.6	Elemen Kehendak	226
	5.6.1 Kehendak tertakluk kepada undang-undang atau hukum-hakam	228
	5.6.2 Membuat pilihan turut dipertanggungjawabkan	231
	5.6.3 Kehendak tetap	232
5.7	Kesimpulan	235
BAB VI	PENUTUP	
6.1	Pengenalan	238
6.2	Rumusan Hasil Kajian	238
6.2	Implikasi dan Sumbangan Kajian	242
6.3	Saranan dan Cadangan Kajian Lanjutan	243
6.4	Kesimpulan	245
RUJUKAN		246

JADUAL TRANSLITERASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Huruf Arab

Huruf Latin

Contoh Asal

Contoh Transliterasi

ء

,

سَأْلٌ

sa'ala

ب

B

بَدْلٌ

Badala

ت

T

عَرْ

Tamr

ث

Th

ثُورَةٌ

Thawrah

ج

J

جَمَالٌ

Jamāl

ح

H

حَدِيثٌ

ḥadīth



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Huruf Arab

05-4506832

ع



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Shah

PustakaTBainun



abd ptbupsi

غ

Gh

غَيْبٌ

ghayb

ف

F

فَقِهٌ

Fiqh

ق

Q

قَاضِيٌّ

qāḍī

ك

K

كَأسٌ

ka's

ل

L

لَبَانٌ

laban

م

M

مَزْمَارٌ

mizmār

ن

N

نُومٌ

nawm

ه

H

هَبْطٌ

habaṭa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

و

W

وَصْلٌ

waṣl

ي

Y

يَسَارٌ

yasār



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Vokal pendek



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Huruf Arab

Huruf Latin

Contoh Asal

Contoh Transliterasi

أ

A

فَعْلٌ

fa^əala

إ

I

خِسِبٌ

ħasiba

ع

U

كُتُبٌ

kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab

Huruf Latin

Contoh Asal

Contoh Transliterasi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Ā

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ي

ī

كَاتِبٌ ، قَضِيَّ

kātib, qadā

و

ū

حُرُوفٌ

ħūrūf



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	Aw	قُول	qawl
ي	Ay	سَيْف	sayf
يَّ ، يِّ	Iyy	رَجُعِيَّة ، رَجْعِي	raj ^c i , raj ^c iyyah (di akhir)
وَ	Uww	عَدُو	^c aduw ^w (di akhir) atau ^c dū (di akhir)

Pengecualian

1. Huruf Arab و (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada (a) bukan (').

Contoh: أَكْبَر

Transliterasi: akbar bukan 'akbar.

2. Huruf Arab ة (ta' marbūtah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Contoh: وزَارَةُ التَّعْلِيمِ

Transliterasi: wizārat al-ṭa'līm.

Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta' marbūtah ditransliterasikan kepada h.

Contoh

المَكْتَبَةُ الْأَهْلِيَّةُ

قلْعَةٌ

دار وَهَبَةٍ

Transliterasi

al-Maktabah al-'Ahliyyah

qal^cah

Dār Wahbah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptupsi

No. Rajah

Halaman

1.1

Kerangka Teori Kajian

12

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptupsi

SENARAI SINGKATAN

s.a.w.
05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun
ptbupsi

s.w.t.

Salla Allāhu 'alayhi Wa sallam

Subḥanahu wa Ta'ālā

05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun
ptbupsi

05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun
ptbupsi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai pendahuluan kajian ini yang merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, matlamat kajian, objektif kajian, metode kajian, kerangka teori, definisi operasi kajian, ulasan kepustakaan dan kesimpulan.

Kajian ini adalah berkaitan dengan pemikiran tanggungjawab antara tokoh besar di dunia Islam iaitu Ibnu Taymiyyah dan tokoh besar di dunia Barat iaitu Immanuel Kant. Ibnu Taymiyyah merupakan pemikir Islam yang beraliran Salafiyah dan banyak mengkaji karya-karya falsafah sebelumnya. Nama sebenar beliau adalah Ahmad bin Ḥāfiẓ bin Abd al-Salām bin Abdullāh bin Al-Qāsim. Beliau dilahirkan di al-Harrān, Damshiq dan telah meninggal pada tahun 728H bersamaan dengan 1328M. Beliau berasal dari jalur keturunan ulama. Bapanya merupakan mufti di al-Shām dan datuknya merupakan ulama terkenal dan diberi gelaran Ibnu Taymiyyah iaitu gelaran Shaykh al-Islām (al-Dhahabi 1958: 1497).

Beliau telah mengecapi kemasyhuran pada zamannya. Kemasyhurannya telah mendorong kerajaan Arab Saudi mengumpul karya-karya beliau yang dikutip di serata dunia termasuk di Asia dan Eropah. Pengumpulan ini dibukukan sebanyak dua puluh jilid yang dinamakan *Majmū‘ al-Fatāwā li Ibnu Taymiyyah* (1995). Selain himpunan ini, kedapatan himpunan lain yang wujud sehingga kini seperti *Al-Mustadrak ‘alā Majmū‘ al-Fatāwā* (1418H/1997(b)), *Al-Fatāwā al-Kubrā li Ibni Taymiyyah* (1987), *Jāmi‘ al-Rasā’il* (2001(a)), *Jāmi‘ al-Masā’il li Ibnu Taymiyyah* (2001(a)), *Majmū‘ah al-Rasā’il wa al-Masā’il* (1422H/2001), *Al-Masā’il wa al-Ajwibah* (2004), *Min*

Majmū'ah al-Rasā'il al-Kubrā (t.th.(d)), *Daqā'iq al-Tafsīr al-Jāmi'* li tafsīr Ibnu Taymiyyah (1404H/1983) dan *Risalah Tasawuf Ibnu Taymiyyah* (2002).


Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Manakala karya-karya beliau yang bukan berbentuk himpunan adalah *Amrād al-Qulūb wa Shifā'uha* (1399H/1978(a)), *al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar* (1418H/1997(a)), *Bayān Talbīs al-Juhmiyyah fī Ta'sīs Bid'ihim al-Kalāmiyyah* (2006), *Bughayyah al-Murtād fī al-Radd 'alā al-Mutafalsifah wa al-Qarāmiṭah wa al-Bāṭiniyyah* (1995(a)), *Dar' Ta'arud al-'Aql wa al-Naql Aw Muwāfaqah Ṣahīḥ al-Manqūl li Ṣarīḥ al-Ma'qūl* (1991), *al-Furqān bayna Awliyā' al-Rahmān wa Awliyā' al-Shayṭān* (1985(d)), *al-Hasanah wa al-Sayyi'ah* (t.th.(a)), *al-Hisbah* (2007), *al-Ikhnā'iyyah aw al-Radd 'alā al-Ikhnā'* (2000(a)), *al-Istiqa'mah* (1403H/1982), *al-Jawāb al-Ṣahīḥ liman Baddala Dīn al-Masīh* (1999), *Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah* (1903), *al-Nubuwwāt* (1985(b)), *al-Radd 'alā Mantiqiyin* (2010), *al-Radd 'alā al-Shāzalī fī Ḥizbihi wa mā Ṣanafahu fī Ādāb al-Tariq* (1429H/2008), *Raf' al-Mulām 'an al-A'immah al-A'lām* (1983), *al-Risālah al-'Arshiyah* (1399H/1978(b)), *Risālah fī Usūl al-Dīn* (1980), *Sharḥ 'Umdah al-Fiqh* (1997), *Sharḥ al-'Aqīdah al-Wasiṭiyah* (2001(b)), *al-Siyāsah al-Shari'iyah fī Islāh al-Rā'iyy wa al-Ra'iyyah* (1418H/1997(c)), *al-Tuhfah al-'Irāqiyah fī al-'Āmāl al-Qulūb* (1399H/1978(c)), *al-'Ubūdiyyah* (2005), *Qā'idah fī al-Mahabbah* (t.th.(c)) dan *al-Zuhdu wa al-War'uwa al-Ibādah* (1407H/1986).

Ahli falsafah Barat yang membincangkan secara mendalam mengenai falsafah moral pula adalah Immanuel Kant. Beliau dilahirkan pada tahun 1724 di bandar Konigsberg, Jerman. Beliau mendapat pendidikan awal di bandar tersebut sehingga melanjutkan pelajarannya di University of Konigsberg (Pojman 2004: 587). Beliau merupakan seorang ahli falsafah yang terkemuka di Barat (Rachels 2003: 27). Beliau berjaya membawa satu aliran pemikiran moral yang berasaskan tugas dan tanggungjawab. Aliran ini diberi nama Deontologi (Dewar 2002: 33). Deontologi adalah kajian mengenai keperluan, tugas dan kewajipan moral. Teori Deontologi mempertahankan moral dinilai dengan perasaan dalaman daripada tindakan manusia yang digariskan oleh undang-undang kelakuan formal (Christopher 2006). Kerap kali aliran Deontologi ini diperdebatkan dan pegangan Kant sebagai penganut agama Kristian Katolik juga sering dipersoalkan. Padahal beliau berpendapat ketidak

sempurnaan moral manusia adalah menunjukkan manusia memerlukan Tuhan yang sempurna bagi meletakkan sistem moral yang baik (Dewar 2002: 33-34).



Karya pertamanya yang mendapat tempat dalam bidang akademik adalah *The Critique of Pure Reason* pada 1781 yang mengkritik epistemologi zamannya dan menyatakan kewajaran bertekad baik (good will). Kemudian disusuli dengan karyanya *The Foundations of the Metaphysics of Morals* pada 1785 yang membahaskan segala bentuk sistem etika yang wujud pada zaman sebelumnya (Pojman 2004: 589). Bagi beliau etika hendaklah bergantung kepada logik berbanding perasaan. Teori ini disebut *Categorical Imperative*.

Karya-karya Immanuel Kant yang masih wujud hingga sekarang adalah *An Answer to the Question: What Is Enlightenment?* (2006(a)), *Fundamental Principles of the Metaphysic of Moral* (1987), *Groundwork of the Metaphysics of Morals* (2008(a)), *Idea for Universal History From a Cosmopolitan Perspective* (2006(c)), *Kraus's Review of Ulrich's Eleutheriology* (2008(b)), *Lectures on Ethics* (1980), *On a Supposed Right to Lie From Philanthropy* (2008(c)), *On The Common Saying: This May Be True in Theory, but It Does Not Hold in Practice* (2006(b)), *On Turning Out Books* (2008(d)), *Perpetual Peace* (1983), *Practical Philosophy* (1996), *Prolegomena to any Future Metaphysics* (2004), *Religion Within the Limits of Reason Alone* (1998), *Review of Hufeland's: Essay on the Principle of Natural Right* (2008(e)), *Review of Schulz': Attempt at an Introduction to a Doctrine of Morals for All Human Beings Regardless of Different Religions* (2008(f)), *Some Remarks on Ludwig Heinrich Jakob's Examination of Mendelssohn's Morning Hours* (2007), *The Critique of Judgement* (2002(a)), *The Critique of Practical Reason* (1997), *The Critique of Pure Reason* (2003), *The Metaphysical Elements of Justice* (1999), *The Metaphysics of Morals* (1991), *The Punishment Of Law: The Exposition of the Fundamental Principles of Jurisprudence As The Science of Right* (1887), *Theoretical Philosophy After 1781* (2002(b)), *Toward Perpetual Peace* (2006(d)) dan *The Metaphysics Element of Ethics* (2008(g)).



Persamaan pemikiran kedua-dua tokoh ini dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan yang boleh dianggap moralis, pemikir agama, deontologis dan reformis. Kedua-dua tokoh ini dianggap moralis kerana penghasilan *Amrād al-Qulūb* tulisan Ibnu Taymiyyah dan *Groundwork of the Metaphysics of Moral* tulisan Immanuel Kant. Kedua-duanya juga merupakan pemikir agama menerusi buku *Dar' al-Ta'āruḍ baina al-'Aql wa al-Naql* tulisan Ibnu Taymiyyah dan buku *Religion Within the Limits of Reason Alone* tulisan Immanuel Kant. Kedua-dua tokoh ini juga adalah deontologis menerusi buku *al-Jawāb al-Ṣaḥīḥ liman Baddala Din al-Masīh* dan jilid kesepuluh dalam *Majmū‘ al-Fatāwā li Ibni Taymiyyah* tulisan Ibnu Taymiyyah serta *The Lectures on Ethics* dan *The Critics of Practical Reason* tulisan Immanuel Kant. Begitu juga kedua-dua tokoh ini merupakan reformis melalui tanggungjawab kolektif yang kedapatan dalam pemikiran Ibnu Taymiyyah seperti *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar, al-Hisbah fi al-Islām* dan *al-Siyāsah al-Shāfiyyah* (Makari 1983, Morkevicius 2008) serta dalam pemikiran Immanuel Kant seperti *Perpetual Peace and Other Essays on Politics, History and Morals* dan *Anthropology from a Pragmatic Point of View* (Cohen 2009).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pengkaji telah dapat mengenal pasti kewujudan perbincangan mengenai tanggungjawab manusia di dunia Islam dan dunia Barat. Dalam dunia Islam, tumpuan perbincangan tanggungjawab adalah dalam perbincangan metafizik dan teori perbuatan manusia (*af'al al-'Ibād*). Manakala dunia Barat pula menumpukan perbincangan mengenai tanggungjawab dalam teori kebebasan manusia dan teori perbuatan manusia. Kedua-dua pemikiran dari Islam dan Barat mempunyai falsafah, perundangan dan etika dalam perbincangan tanggungjawab ini.

Muktazilah dalam dunia Islam seperti Ahmad, mengemukakan hujah tanggungjawab manusia untuk mengukuhkan pandangan kebebasan manusia yang mutlak bagi menentukan perbuatannya (Ahmad 1988: 340-344, al-Shāfi'i Hasan 1998: 468). Manakala al-Ashā'irah seperti al-Ash'ari (1993: 129, 138) menerima sepenuhnya tanggungjawab manusia terhadap segala perbuatannya. Namun, kajian-kajian mengenai pendapat al-Ashā'irah seperti al-Husnī (1987: 27), Dughaym (1992:

Persamaan pemikiran kedua-dua tokoh ini dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan yang boleh dianggap moralis, pemikir agama, deontologis dan reformis. Kedua-dua tokoh ini dianggap moralis kerana penghasilan *Amrād al-Qulūb* tulisan Ibnu Taymiyyah dan *Groundwork of the Metaphysics of Moral* tulisan Immanuel Kant. Kedua-duanya juga merupakan pemikir agama menerusi buku *Dar' al-Ta'āruḍ baina al-'Aql wa al-Naql* tulisan Ibnu Taymiyyah dan buku *Religion Within the Limits of Reason Alone* tulisan Immanuel Kant. Kedua-dua tokoh ini juga adalah deontologis menerusi buku *al-Jawāb al-Šāhiḥ liman Baddala Din al-Masīh* dan jilid kesepuluh dalam *Majmū' al-Fatāwā li Ibni Taymiyyah* tulisan Ibnu Taymiyyah serta *The Lectures on Ethics* dan *The Critics of Practical Reason* tulisan Immanuel Kant. Begitu juga kedua-dua tokoh ini merupakan reformis melalui tanggungjawab kolektif yang kedapatan dalam pemikiran Ibnu Taymiyyah seperti *al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar*, *al-Hisbah fi al-Islām* dan *al-Siyāsah al-Shariyyah* (Makari 1983, Morkevicius 2008) serta dalam pemikiran Immanuel Kant seperti *Perpetual Peace and Other Essays on Politics, History and Morals* dan *Anthropology from a Pragmatic Point of View* (Cohen 2009).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pengkaji telah dapat mengenal pasti kewujudan perbincangan mengenai tanggungjawab manusia di dunia Islam dan dunia Barat. Dalam dunia Islam, tumpuan perbincangan tanggungjawab adalah dalam perbincangan metafizik dan teori perbuatan manusia (*af'āl al-'Ibād*). Manakala dunia Barat pula menumpukan perbincangan mengenai tanggungjawab dalam teori kebebasan manusia dan teori perbuatan manusia. Kedua-dua pemikiran dari Islam dan Barat mempunyai falsafah, perundangan dan etika dalam perbincangan tanggungjawab ini.

Muktazilah dalam dunia Islam seperti Ahmad, mengemukakan hujah tanggungjawab manusia untuk mengukuhkan pandangan kebebasan manusia yang mutlak bagi menentukan perbuatannya (Ahmad 1988: 340-344, al-Shāfi'i Hasan 1998: 468). Manakala al-Ashā'irah seperti al-Ash'arī (1993: 129, 138) menerima sepenuhnya tanggungjawab manusia terhadap segala perbuatannya. Namun, kajian-kajian mengenai pendapat al-Ashā'irah seperti al-Husnī (1987: 27), Dughaym (1992:

310-311), al-Shāfi‘ī Hasan (1998: 470), Nukman (2002: 11, 126, 127, 145) dan Ahmad (t.th.(a), 8: 13-43, 14: 40) menunjukkan al-Ashā‘irah menentang kebebasan manusia secara mutlak dan perbuatan manusia yang sangat bergantung kepada kudrat Allah yang mutlak.

Ibnu Taymiyyah (1995(b), 8: 391) di tengah-tengah polemik antara Muktazilah dan al-Ashā‘irah ini menyetujui pandangan al-Ashā‘irah bahawa kebebasan manusia bukan mutlak kerana Allah merupakan Pencipta sebenar perbuatan. Namun, beliau tidak menyetujui pandangan al-Ashā‘irah seperti al-Ash‘āri (1950: 221, 321, 340 dan 1955: 55, 57), al-Bāqilānī (1947: 308), al-Juwainī (1950: 195, 198, 340), al-Shahrastānī (2009 : 81) dan al-Āmīdī (2004, 2: 284) yang menyatakan bahawa perbuatan manusia tidak memberi kesan kerana manusia merupakan pelaku bagi segala perbuatannya yang diberi oleh Allah iaitu *al-Kasb*¹.

Tanggungjawab manusia dalam dunia Barat pula, dibincangkan dalam polemik kebebasan manusia. Telah timbul persoalan mengenai kebenaran manusia mempunyai kebebasan yang melayakkan tanggungjawab. Tiga jawapan yang diberikan oleh pemikir-pemikir Barat iaitu:

- 1) Jawapan pertama: dikemukakan oleh aliran *determinism incompatibilism* (fatalisme) yang menyatakan bahawa manusia tiada kebebasan justeru persoalan tanggungjawab diketepikan dan yang penting adalah akauntabiliti.
- 2) Jawapan kedua: daripada golongan *determinism compatibilism* yang menyatakan bahawa manusia mempunyai kebebasan dan tanggungjawab tetapi sangat bergantung kepada penyebab.
- 3) Jawapan ketiga: pula daripada aliran *indeterminism*. Pandangan ini menyatakan bahawa manusia mempunyai kebebasan mutlak yang mewajibkan tanggungjawab (Roth 2005, 3: 1265).

¹ *al-Kasb* adalah sesuatu yang terjadi dengan kudrat yang baharu lalu menjadi usaha kepada seseorang yang terjadi dengan kudrat (al-Ash‘āri 1950, 2: 199).

Immanuel Kant (2008(a): 59) menerima pandangan pertengahan iaitu jawapan kedua yang menyatakan bahawa manusia mempunyai kebebasan dan tanggungjawab tetapi sangat bergantung kepada penyebab. Pandangan Kant ini turut diperkatakan oleh Borchert (2006, 3: 14) dan Cohen (2009: 114). Roth (Roth 2005, 3: 1265) mengatakan bahawa pandangan pertengahan ini iaitu percaya terhadap kebebasan dan tanggungjawab serta percaya kepada segala penyebab yang tidak memberi kesan terhadap kebebasan manusia.

Justeru, pengkaji berpendapat perbandingan antara Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant adalah sangat signifikan kerana kedua-dua tokoh ini mempunyai pandangan kritis terhadap polemik pada zamannya khususnya mengenai tanggungjawab manusia. Perbandingan ini merupakan pendekatan harmoni antara pemikiran Islam dan Barat bagi mencari persamaan dan perbezaan agar menjadi penghubung kepada sikap saling faham memahami dan hormat menghormati dalam bidang keilmuan dan kesarjanaan.

Tambahan pula, Immanuel Kant mengaitkan dengan teori deontologi iaitu satu teori yang tidak menjustifikasikan akibat baik dan buruk semata-mata tetapi turut mengaitkan dengan psikologi dalaman. Begitu juga beliau dikaitkan dengan pemikiran sekular yang tidak bergantung atau terlepas pergantungan dari elemen agama (Abdul Rahman 1998, Nazimuddin Ahmad et. al 2005: 71-72). Padahal beliau berpendapat ketidaksempurnaan moral manusia adalah menunjukkan manusia memerlukan Tuhan yang sempurna yang meletakkan sistem moral yang baik (Dewar 2002: 33-34). Rachels (2003: 27) menyebut Immanuel Kant dikenali sebagai ahli falsafah terbaik dalam tempoh zaman moden.

Keistimewaan kajian tanggungjawab daripada sudut kehendak baik dalam pemikiran Immanuel Kant adalah begitu kritikal. Lebih-lebih lagi Kant (2008(a): 43-44) meletakkan syarat-syarat yang boleh diterima umum dengan meletakkan kaedahnya iaitu *Categorical imperative* yang menjadi asas kepada perbincangan kehendak yang baik. Syarat-syarat ini agak sesuai untuk dibandingkan dengan kehendak yang baik daripada sudut pandangan Ibnu Taimiyyah. Ibnu Taymiyyah (1407H/1986: 187-188, 191, 1995, 10: 759-760) menggambarkan bahawa hati

mempunyai amalan-amalan seperti anggota tubuh badan. Amalan ini ada yang baik dan ada yang buruk. Malah beliau menganggap hati yang baik menurut pandangan syarak adalah hati yang berdisiplin dengan faktor-faktor keimanan dan menjauhi kekufturan. Kesemua ini berkaitan dengan tanggungjawab.

1.3 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah menjelaskan elemen-elemen tanggungjawab berdasarkan dua tokoh pemikir utama sebagai wakil aliran pemikiran Timur dan Barat serta Islam dan Kristian iaitu Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menyokong matlamat kajian di atas, objektif kajian digariskan bagi mengukuhkan hala tuju kajian. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

1. Menjelaskan justifikasi tanggungjawab manusia yang melibatkan elemen-elemennya seperti kudrat, pengetahuan, kehendak dan perbuatan manusia.
2. Mengenal pasti konsep dan elemen-elemen tanggungjawab dalam pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant.
3. Membuat penilaian konsep dan elemen tanggungjawab dalam pemikiran Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant.

1.5 METODE KAJIAN

Perkataan ‘metodologi’ adalah suatu ilmu mengenai cara-cara mengadakan penelitian dan pemerhatian (Barnadib 1982: 51). Oleh itu, metodologi kajian adalah ilmu mengenai cara atau kaedah penyelidikan (Hornby 2001: 1152). Bagi menjalankan dan menghasilkan kajian ini, metode kajian yang digunakan adalah penyelidikan kualitatif. Kajian kualitatif yang dimaksudkan adalah kajian yang melibatkan data-data berbentuk huriahan dan tidak berbentuk angka. Bentuk analisis kajian kualitatif yang digunakan pula adalah analisis kandungan untuk menganalisis rujukan-rujukan. Justeru, metodologi analisis kandungan ini memerlukan penelitian isi kandungan,

menilai hujah dan fakta, membuat perbandingan, kritikan positif dan membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari 2010: 51-54, 96, 100).

Oleh itu, kajian ini menggunakan dua metode utama iaitu:

- 1) Metode pengumpulan data
- 2) Metode analisis data

1.5.1 Metode Pengumpulan Data

Menyentuh metode pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi. Dokumentasi berasal daripada perkataan “dokumen” bererti sesuatu bertulis yang digunakan sebagai rekod atau bukti. Manakala dokumentasi pula bererti himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian dan penghasilan sesuatu terbitan (Dewan Bahasa dan Pustaka 2010: 360). Dokumen-dokumen ini dapat dibahagikan kepada rujukan utama dan rujukan sekunder. Rujukan utama adalah karya-karya Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant sebagai asas kajian ini. Manakala rujukan sekunder adalah rujukan sampingan yang diperlukan bagi menganalisis bahan utama agar matlamat dan objektif kajian ini tercapai.

Oleh itu, kaedah analisis data digunakan bagi memahami karya-karya mereka yang juga merupakan kaedah kualitatif (Sarah dan Shannon 2005: 1278). Kaedah ini bagi menjawab persoalan apa, kenapa dan bagaimana menurut saringan yang ditetapkan (Ji Young 2014: 6). Tujuannya adalah bagi menjelaskan maksud, konteks dan niat dalam karya-karya tersebut (Prasad 2008: 1).

Kajian ini juga berbentuk penyelidikan perpustakaan dengan merujuk buku dan jurnal sama ada bercetak atau bahan elektronik yang kedapatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dengan melayari internet, penulis telah berjaya mendapatkan data-data yang diperlukan lebih-lebih lagi dari laman web, <http://shameela.ws/index.php/category/142> bagi mendapatkan karya-karya Ibnu Taymiyyah.

1.5.2 Metode Analisis Data

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Metode analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan. Kaedah ini digunakan bagi menganalisis rekod ucapan, tulisan dan item tingkah laku yang diperhatikan penyelidik (Ahmad Sunawari 2010: 100). Setelah dikumpulkan segala data yang diperlukan maka pengkaji mengolah data-data tersebut dan menganalisisnya. Penganalisaan terhadap data-data yang telah dikumpul ini dibuat melalui metode-metode berikut:

- a. Metode Induktif
- b. Metode Deduktif
- c. Metode Komparatif
- d. Metode Pengkategorian

a. Metode Induktif

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Melalui metode ini, pengkaji membuat kesimpulan daripada beberapa data yang dianalisis yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan secara umum. Ia digunakan di dalam bab dua, tiga dan empat. Metode ini digunakan bagi memenuhi objektif pertama kajian ini.

b. Metode Deduktif

Melalui metode deduktif pula, pengkaji membuat kesimpulan dari dalil-dalil yang bersifat umum dan menghuraikannya dengan dengan prinsip-prinsip yang bersifat khusus. Metode ini juga digunakan dalam bab dua, tiga dan empat bagi memenuhi objektif kedua dalam kajian ini.

c. Metode Komparatif

Melalui metode ini, pengkaji membuat perbandingan terhadap segala data dan fakta yang telah diperolehi. Metode ini telah digunakan sepenuhnya dalam bab dua dan

lima. Metode ini turut digunakan dalam bab tiga dan empat bagi memahami pandangan sebenar Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant di tengah-tengah perbincangan pelbagai pandangan di zamannya. Kaedah ini penting kerana ia akan mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara pandangan-pandangan yang wujud bagi memenuhi objektif ketiga dalam kajian ini.

d. Metode Pengkategorian

Kaedah ini digunakan secara meluas dalam tesis ini khususnya ketika menganalisis perbezaan pendapat para pemikir yang banyak dan luas. Melalui metode ini, perbezaan pendapat telah disenaraikan, dikategorikan dan seterusnya dicantumkan di bawah fokus polemik yang sama. Metode ini juga digunakan bagi mengasingkan perbincangan agar dapat disusun dengan baik seperti idea-idea dalam bab tiga, empat dan lima disusun berdasarkan pengasingan yang kedapatan dalam bab dua. Metode ini bagi memenuhi objektif pertama, kedua dan ketiga dalam kajian ini.

1.6 KERANGKA TEORI



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kerangka teori merujuk kepada paradigma yang akan digunakan oleh penyelidik dalam meneliti permasalahan kajiannya (Ahmad Sunawari 2010: 40). Justeru, kajian ini hendaklah mengambil pengistilahan tanggungjawab seperti di atas sebagai kerangka teori yang mengaitkan taklifan dan tugas daripada agen moral serta mempersoalkannya sama ada balasan baik dan buruk serta dinilai oleh sekumpulan manusia yang boleh dihukum dan diberi ganjaran.

Tambahan pula, kerangka teori bagi kajian ini mengambil penilaian tanggungjawab sebagai subjek utama sama ada diberi ganjaran dan dihukum atau bersalah atau tidak bersalah. Penilaian ini berdasarkan empat elemen iaitu perbuatan, kudrat atau kebebasan, pengetahuan dan kehendak yang diambil dari pandangan Dughaym (1992: 144-261) yang mengaitkan manusia dengan empat elemen iaitu kudrat, pengetahuan, kehendak dan perbuatan. Tujuan empat elemen ini dikaitkan dengan tanggungjawab adalah bagi menjustifikasi tanggungjawab manusia yang juga